



## POLISI DATA PERLINDUNGAN PERIBADI

PPSB komited dalam melindungi Data Peribadi yang diproses berkaitan transaksi komersial antara Syarikat dan Subjek Data termasuk kakitangan, pelanggan, perunding, kontraktor atau individu yang terlibat di bawah kontrak perkhidmatan untuk sebarang aktiviti berkaitan perniagaan dan untuk meningkatkan keyakinan pengguna serta mencegah penyalahgunaan Data Peribadi di pasaran.

Akta Perlindungan Data Peribadi (APDP) bertujuan untuk mengawal selia pemrosesan Data Peribadi dalam transaksi komersial. Polisi ini digubal untuk mempromosikan penyelarasan semula dengan APDP dan pindaannya (yang berkaitan) serta semua undang-undang dan peraturan yang digunapakai di Malaysia.

Data Peribadi individu adalah komoditi yang bernilai dalam transaksi komersial. Proses membuat keputusan bergantung sepenuhnya kepada ketersediaan data berkenaan. Oleh itu, proses yang merangkumi pengumpulan, penggunaan dan pengurusan Data Peribadi adalah sangat penting.

Pada dasarnya, PPSB adalah komited sepenuhnya untuk:

- Mengambil pendekatan toleransi sifar terhadap sebarang bentuk penyalahgunaan Data Peribadi.
- Mewujudkan keyakinan kepada semua kakitangan dan pelanggan terhadap keselamatan Data Peribadi.
- Memastikan semua Data Peribadi disimpan dan diproses bersesuaian dengan APDP.
- Mematuhi semua undang-undang yang digunapakai.

Pernyataan Polisi Perlindungan Data Peribadi ini menunjukkan komitmen PPSB dalam mewujudkan budaya beretika tinggi yang dilaksanakan dalam kalangan Kakitangan dan komited untuk bertindak secara profesional, adil dan berintegriti dalam semua urusan perniagaan dan perhubungan.